



25 DEC, 2025

Shopee, FAMA labur RM210,000 galak pertumbuhan digital usahawan tani luar bandar

Sinar Harian, Malaysia

Shopee, FAMA labur RM210,000 galak pertumbuhan digital usahawan tani luar bandar

KERJASAMA strategik Shopee Malaysia, platform e-dagang terkemuka di Asia Tenggara, Taiwan serta Brazil dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyaksikan pelaburan berjumlah RM210,000 bagi mengukuhkan keupayaan digital Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) luar bandar serta mempercepatkan transformasi digital sektor agromakanan Malaysia.

Menerusi program pembangunan ke-usahawanan FAMART+ yang dilancarkan pada Jun 2025, inisiatif nasional selama enam bulan itu membimbing 100 usahawan

tani daripada pelbagai latar belakang termasuk usahawan yang baharu menceburi e-dagang, usahawan OKU, suri rumah, pelajar dan pengeluar tradisional luar bandar melalui satu perjalanan pembangunan digital berstruktur.

Sepanjang program, Shopee dan FAMA melabur sebanyak RM210,000 dalam bentuk baucar kedai, kredit pengiklanan dan insentif siaran langsung bagi meningkatkan pendedahan serta prestasi komersial peserta.

Lebih 400 produk agromakanan berjaya disenaraikan di Shopee, membolehkan pe-

ngeluar luar bandar menembusi pasaran nasional dan menjangkau pengguna di luar kawasan mereka.

Peserta turut dipromosikan melalui laman mikro Shopee Rai Lokal, notifikasi aplikasi dan komunikasi elektronik bersasar sekali gus meningkatkan produk mereka di seluruh negara.

Pengarah Kanan Bahagian Keusahawanan Pemasar FAMA, Siti Nurul Haida Ibrahim berkata, FAMART+ membuktikan potensi sebenar boleh dicapai apabila usahawan tani diberikan struktur, latihan serta keyakinan untuk bersaing dalam eko-

nomi digital.

"Kami menyaksikan sendiri pengeluaran luar bandar beralih daripada pengusaha tradisional kepada usahawan digital mampu tembusi pasaran nasional. Transformasi ini bukan sahaja meningkatkan taraf komuniti setempat, tetapi turut mengukuhkan masa depan ekosistem agromakanan negara.

"FAMA komited untuk bekerjasama dengan Shopee bagi memperluaskan model ini supaya setiap usahawan tani Malaysia, tanpa mengira latar belakang, dapat berkembang dalam pasaran moden berteraskan teknologi," katanya.



25 DEC, 2025

Shopee, FAMA labur RM210,000 galak pertumbuhan digital usahawan tani luar bandar

Sinar Harian, Malaysia

SUMMARIES

KERJASAMA strategik Shopee Malaysia, platform e-dagang terkemuka di Asia Tenggara, Taiwan serta Brazil dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyaksikan pelaburan berjumlah RM210,000 bagi mengukuhkan keupayaan digital Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) luar bandar serta mempercepatkan transformasi digital sektor agromakanan Malaysia.